

KPDNHEP jamin bekalan topeng muka di pasaran cukup

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan topeng muka di pasaran negara ini mencukupi ekoran penularan wabak koronavirus.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebahagian bekalan topeng muka itu adalah produk keluaran tempatan manakala sebahagian lagi diimport dari China.

"Kami akan terus memantau bekalan topeng muka ini di pasaran, kalau bekalannya berkurangan kami akan berurusan dengan pihak pengimport atau pengeluar tempatan," katanya di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini tiada sebarang perubahan terhadap bekalan makanan dari China di negara ini selepas berlakunya penularan wabak koronavirus.

Katanya, pihaknya juga belum menerima aduan tentang pengurangan bekalan barangan pengguna dalam pasaran ketika ini.



Saifuddin (kiri) meninjau produk makanan yang dijual di Pasar Raya Bergerak yang diperkenal KPDNHEP di Putrajaya semalam.